KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	26.08.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	TNB			

TNB buka potensi nilai komersial RM10b

Tenaga Nasional Bhd (TNB) merancang kerjasama dengan PETRONAS dalam kajian penggunaan teknologi hidrogen dan memerangkap karbon yang bakal membuka peluang sekurang-kurangnya RM10 bilion nilai komersial sehingga 2035.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata kajian itu adalah sebahagian bidang yang terangkum dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani kedua-dua syarikat pada 19 Ogos lalu.

Katanya, MoU dimeterai untuk mengukuhkan kerjasama dalam memacu penyelesaian inovatif ke arah nyahkarbon, menjadikannya satu peristiwa penting dalam menyokong aspirasi Malaysia menuju negara neutral karbon menjelang 2050.

"Kejayaan usaha penyahkarbonan akan dicapai, terutama melalui kajian kerjasama untuk membangunkan ekosistem hidrogen hijau dan teknologi pemerangkapan dan penyimpanan karbon (CCS), dengan memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber kedua-dua organisasi.



Baharin Din

"Di samping itu, kedua-dua syarikat akan menjana semula loji jana kuasa gas yang tamat perkhidmatan di Paka, Terengganu (Stesen Jana kuasa Sultan Ismail atau SJSI) dengan menggunakan teknologi pembakaran hidrogen.

"TNB akan melabur RM6.3 bilion dalam penjanaan semula SJSI (Paka), loji jana kuasa Turbin Gas Kitar Padu (CCGT) yang cekap, dengan teknologi sedia ada hidrogen bagi penjanaan tenaga lebih bersih," katanya dalam satu kenyataan.

Baharin berkata, penjanaan semula loji itu memanfaatkan kekuatan kedua-dua TNB dan PETRONAS, sebagai projek perintis unik dalam menggunakan teknologi hijau yang mungkin dapat digunakan dalam loji jana kuasa masa depan.

"Projek *brownfield* ini akan bermula dengan perobohan loji sedia ada tahun depan dan ini akan mengambil masa dua tahun. Kerja pembinaan akan dimulakan dari 2025 dan keseluruhan kompleks itu dijadualkan siap pada 2030.

"Pemerkasaannya dijangka mampu menjana purata RM250 juta perolehan sebelum faedah & cukai (EBIT) apabila beroperasi secara komersial mulai 2030.

"Penjanaan semula Paka, dengan kapasiti 1,400 megawatt (MW) akan mengelak pelepasan 3.2 juta tan karbon dioksida (tCO_2e) setahun, bersamaan dengan CO_2 dilepaskan oleh kira-kira 700,000 kereta setiap tahun," katanya.

Jalin kerjasama

Sebagai syarikat tenaga terkemuka negara, Baharin berkata, TNB dan PETRONAS menjalin kerjasama selama beberapa dekad dalam pembangunan sektor tenaga demi kemajuan negara.

"MoU itu menandakan bahawa kami mengenal pasti untuk bersatu merealisasikan peralihan tenaga yang inklusif untuk Malaysia.

"TNB telah mengenal pasti dua teknologi untuk meningkatkan kemampanan aset termal kami melalui proses nyah karbon iaitu teknologi hidrogen hijau dan pemerangkapan karbon," katanya.

bagi separuh pertama 2022 meningkat kepada RM156.56 juta daripada RM89.31 juta sebelumnya, manakala pendapatan bertambah kepada RM1.096 bilion daripada RM1.091 bilion setahun lalu.

Mengenai prestasi separuh pertama tahun ini, kumpulan itu berkata segmen pembangunan hartanah menyumbang 91.5 peratus daripada pendapatan keseluruhan.

"Segmen pelaburan dan pengurusan aset turut mencatatkan prestasi baik, didorong oleh pendapatan lebih tinggi daripada KL East Mall yang mencerminkan kadar penghunian lebih tinggi 80 peratus berbanding 73 peratus tahun lalu, selain kunjungan yang meningkat," katanya sambil menambah ia terus disokong oleh hasil lebih baik daripada Melawati Mall, yang turut merekodkan kunjungan lebih tinggi dalam tempoh dikaji.

Penyambungan semula aktiviti perniagaan pada suku keempat 2021 menyumbang kepada pendapatan RM41.2 juta daripada segmen riadah. BERNAMA

HM260822_27